

Terma dan Syarat

Peraduan Instagram #PantunJiwaMerdekaPLUS

1. PENGANJUR

- 1.1. Penganjur Peraduan Instagram #PantunJiwaMerdekaPLUS ("**Peraduan**") ini ialah PLUS Malaysia Berhad ("**Penganjur**") dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka ("**Rakan Strategik**")

2. TEMPOH

- 2.1. Peraduan ini akan berlangsung mulai **16 Ogos 2024** pada jam 12:00:01 waktu Malaysia (GMT+8) dan akan tamat pada **16 September 2024** pada jam 23:59:59 waktu Malaysia (GMT+8) ("**Tempoh Peraduan**").
- 2.2. Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tidak akan dilayan dan tidak layak memenangi sebarang hadiah yang ditaja.

3. KELAYAKAN

- 3.1 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas yang tinggal di Malaysia sahaja.
- 3.2 Pekerja Penganjur, syarikat bersekutu dan / atau syarikat berkaitan dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik) tidak layak menyertai Peraduan ini.

4. CARA MENYERTAI PERADUAN DAN KRITERIA KEMENANGAN

- 4.1 Berikut ialah terma-terma dan syarat-syarat ("**Terma dan Syarat**") penyertaan:
 - a) Peserta perlu mempunyai dan menggunakan akaun Instagram sendiri. Peserta perlu ikuti ('*follow*') akaun Instagram **@plus_malaysia** di https://www.instagram.com/plus_malaysia/ ("**Akaun Instagram PLUS**");
 - b) Peserta hendaklah mencipta **dua (2) rangkap pantun empat (4) kerat** berserta video berdurasi tidak melebihi 30 saat. Sekiranya durasi video melebihi masa yang ditetapkan, markah akan ditolak. Pantun dan video tersebut haruslah memaparkan elemen berikut:
 - i) Pantun pertama mengandungi pantun **empat (4) kerat** yang menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya berkaitan **SEMANGAT PATRIOTIK DAN CINTA NEGARA**.
 - ii) Pantun kedua mengandungi pantun **empat (4) kerat** yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya berkaitan **AMALAN PEMANDUAN SELAMAT**.

Kedua-dua pantun di atas perlu disekalikan dalam setiap penyertaan.

- c) Muatnaikkan video tersebut di akaun Instagram sendiri yang mempunyai tatapan awam ("**Public**");
- d) Video diambil dengan cara yang paling unik, kreatif dan menarik;
- e) Video penyertaan perlu mempunyai tag **@PLUS_Malaysia** dan **@dbpmalaysia** beserta tanda pagar ('*hashtag*') seperti yang berikut:

#PantunJiwaMerdekaPLUS

#BahasaJiwaBangsa

#HariKebangsaan

#PanduCermat

#PatuhiHadAnda

- f) Hanya penyertaan yang mempunyai tag akaun PLUS dan DBP beserta tanda pagar yang betul dan tepat akan diambil kira. Markah tambahan akan diberikan kepada peserta sekiranya hantaran ('*post*') penyertaan yang dihantar menyatakan ('*mention*') kepada tiga (3) akaun rakan untuk ikuti ('*follow*') akaun Instagram PLUS dan DBP.
- g) Video yang dihantar hendaklah menepati Terma dan Syarat yang ditetapkan. Video yang tidak menepati Terma dan Syarat akan terbatal secara sendiri;
- h) Penyertaan peraduan akan dinilai oleh panel juri daripada pihak Penganjur dan Rakan Strategik ("**Panel Juri**");
- i) Video yang dihantar mestilah asli dan belum pernah digunakan untuk sebarang pertandingan dan penerbitan serta dimuatnaik sebelum jam 23:59:59 waktu Malaysia (GMT+8) tengah malam pada **16 September 2024**;
- j) Peserta boleh menghantar seberapa banyak video tetapi peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja;
- k) Peserta hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan / atau perbelanjaan yang timbul dan/atau berkaitan dengan penerimaan, penebusan, pemindahan milik dan penggunaan hadiah peraduan;
- l) Pantun dan video penyertaan tidak boleh mengandungi bahan yang memaparkan unsur-unsur fitnah, provokasi, lucah, ganas, berdiskriminasi (berdasarkan bangsa, agama, keturunan, ketakupayaan fizikal, orientasi seksual atau umur), menyalahi undang-undang (contohnya pengambilan alkohol di bawah umur, penyalahgunaan bahan, dan lain-lain) menyinggung perasaan, bersifat ancaman, menghina atau berbentuk gangguan;
- m) Peserta dibenarkan untuk menghantar penyertaan beberapa kali dengan menggunakan berbilang akaun tetapi hanya SATU akaun peserta tersebut yang layak memenangi pertandingan;

- 4.2 Penyertaan anda dalam Peraduan adalah percuma dan penyertaan anda akan dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan jelas anda terhadap Terma dan Syarat Peraduan, dan Peraturan Polisi Privasi Penganjur.
- 4.3 Penganjur Peraduan mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan, menyalin, sublesen, menyampaikan, mengagihkan, mempersembahkan secara terbuka, menerbitkan, mengeluarkan, atau mempamerkan mana-mana penyertaan, atau mana-mana bahagian daripada penyertaan, dalam mana-mana dan semua media termasuk tetapi tidak terhad kepada semua bentuk Internet, televisyen, dan protokol wayarles tanpa kewajipan untuk memberi apa-apa bentuk bayaran, ganjaran dan/atau pampasan kepada peserta dan tanpa notis terlebih dahulu.

5. PEMENANG DAN HADIAH-HADIAH :

Pihak Penganjur akan menawarkan satu (1) hadiah bagi pemenang pertama, kedua dan ketiga serta tiga (3) hadiah sagu hati kepada para pemenang.

Hadiah yang ditawarkan akan dipilih oleh Panel Juri.

Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:

Hadiah Pertama (1 pemenang): Wang Tunai sebanyak RM3,000 x 1 pemenang

Hadiah Kedua (1 pemenang): Wang Tunai sebanyak RM2,000 x 1 pemenang

Hadiah Ketiga (1 pemenang): Wang Tunai sebanyak RM1,000 x 1 pemenang

Hadiah Sagu Hati (3 pemenang): Wang Tunai sebanyak RM500 x 3 pemenang

Terdapat tiga (3) kategori untuk hadiah sagu hati, iaitu:

- i) Penyampaian Paling Kreatif: Wang Tunai sebanyak RM500 x 1 pemenang
- ii) Penggunaan Bahasa Melayu Terbaik: Wang Tunai sebanyak RM500 x 1 pemenang
- iii) Penyertaan dengan 'Keterlibatan ('Engagement') Tertinggi : Wang Tunai sebanyak RM500 x 3 pemenang

6. PENGUMUMAN DAN PENEBUSAN HADIAH

- a) Nama para pemenang akan diumumkan dalam **pada minggu terakhir bulan September 2024*** melalui akaun rasmi media sosial Instagram @PLUS_Malaysia.

**Tertakluk kepada perubahan.*

- b) Pemenang akan dimaklumkan melalui mesej terus (*'direct message'*) ("**DM**") oleh Pentadbir Instagram Penganjur ("**Admin**") ke akaun peserta. Jika Pentadbir TIDAK menerima sebarang jawapan daripada Pemenang dalam dua (2) hari bekerja selepas dimaklumkan, pemilihan pemenang tersebut akan terbatal dan hadiah kemenangan akan dilucutkan. Penganjur Peraduan berhak untuk meneruskan pemilihan semula Pemenang berikutnya yang layak. Penganjur Peraduan TIDAK bertanggungjawab dalam sebarang cara jika pemberitahuan melalui mesej terus tidak diterima oleh Pemenang atau pemberitahuan melalui mesej terus tidak dibaca.

Pemenang yang telah dihubungi oleh Pentadbir melalui mesej terus dikehendaki untuk mengemukakan butiran penyertaan (“**Butiran Penyertaan**”) dengan jawapan mesej terus.

- c) Butiran Penyertaan yang perlu dikemukakan antara lain adalah nama penuh, nama pengguna ('username'), akaun Instagram, nombor MyKad dan alamat surat-menyurat (seperti yang dinyatakan di dalam MyKad), nombor telefon dan alamat e-mel. Bagi persetujuan terhadap Peraturan, Terma dan Syarat Peraduan dan Peraturan dalam Polisi Privasi PLUS Berhad, sila rujuk klausa 9.2.
- d) Pemenang yang gagal menghantar Butiran Penyertaan dalam **tempoh dua (2) hari** bekerja dari tarikh makluman ATAU memberikan Butiran Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak tepat akan dibatalkan kemenangan dengan serta-merta.
- e) Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- f) Peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada setiap kategori peraduan sepanjang Tempoh Peraduan.
- g) Semua hadiah wang tunai mestilah dituntut dalam masa **tiga puluh (30) hari** dari tarikh rasmi pengumuman pemenang. Tiada sebarang tuntutan hadiah boleh dibuat selepas tempoh ini. Pemenang dikehendaki hadir ke ibu pejabat Penganjur untuk mengambil cek wang tunai. Untuk urusan tuntutan, sila hubungi admin Instagram @plus_malaysia atau emelkan kepada smt@plus.com.my.
- h) Semua keputusan yang diumumkan pihak Penganjur adalah muktamad dan tiada sebarang tuntutan atau pertikaian atau rayuan mengenai keputusan akan dilayan dalam hal ini.

7. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB

- a) Penganjur, syarikat-syarikatnya yang berkaitan dan bersekutu serta agensinya dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Peraduan menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan ini dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan (termasuk tanpa had, kehilangan tidak langsung, khas atau akibat atau kehilangan keuntungan, kerugian jangkaan, kerugian pendapatan, ganti rugi teladan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan peribadi atau kematian yang dialami (sama ada yang timbul daripada mana-mana kecuaiian orang atau tidak) yang timbul daripada sebarang penyertaan peserta dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, kecuali bagi sebarang liabiliti yang tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (yang mana liabiliti tersebut adalah terhad kepada jumlah minima yang dibenarkan oleh undang-undang).
- b) Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi dan meletakkan Penganjur selamat daripada dan terhadap sebarang saman, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan, termasuk fi guaman yang munasabah yang mungkin timbul daripada atau dalam hubungan dengan Peraduan.
- c) Peserta haruslah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti penuh terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, prosiding, kos dan perbelanjaan yang mungkin dihadapi oleh pihak Penganjur berkaitan atau berbangkit daripada penyertaan pelanggan dalam Peraduan ini

(termasuk dan tidak terhad kepada kejadian tidak dijangka, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) kerana menyertai Peraduan, penebusan dan/atau penggunaan hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, peristiwa, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan yang tidak diduga (termasuk kematian) dalam apa jua situasi.

- d) Peserta juga bersetuju bahawa pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan, kecederaan kepada Peserta dan/atau kerosakan komputer atau telefon bimbit Peserta dan/atau mana-mana pihak ketiga, sistem komputer atau peralatan yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan Peraduan ini, termasuk memainkan atau memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada laman web Penganjur dan berkaitan dengan Peraduan, penghantaran/muat naik informasi untuk Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kegagalan pelayan (server), kehilangan, kelewatan, kerosakan data atau kerosakan lain.
- e) Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima penyertaan kerana ketidakcekapan dari penyedia perkhidmatan Internet (Internet Service Provider) dan/atau rangkaian telekomunikasi yang digunapakai oleh pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan internet dan/atau telekomunikasi yang tepat pada masanya dan/atau cekap.

8. HAK PENGANJUR

- a) Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju tidak akan menuntut, menggunakan atau mengeksploitasi penyertaan tersebut bagi sebarang tujuan dengan apa-apa cara pada bila-bila masa. Setiap peserta juga bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau video-video peserta dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi apa-apa bentuk ganjaran atau bayaran atau pampasan dan tanpa notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dan/atau para pemenang mengenyepikan semua hak yang berkaitan dengan video/sebarang muatan yang mereka telah sertakan untuk Peraduan ini. Peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan, hak harta-intelek, atau lain-lain bentuk pampasan terhadap bahan-bahan tersebut.
- b) Dengan menyertai Peraduan ini, setiap peserta adalah dianggap telah membaca, memahami semua terma dan syarat Peraduan ini dan bersetuju sepenuhnya dan tanpa syarat untuk terikat dengannya (sama ada bila diubah atau berubah). Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini dimana perlu atas sebab undang-undang, teknikal atau komersil dan sebarang pindaan yang sedemikian akan berkuatkuasa apabila dipaparkan di laman web Peraduan. Sila semak terma dan syarat ini setiap masa untuk melihat jika terdapat sebarang perubahan.
- c) Penganjur berhak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya Peraduan tidak boleh dijalankan seperti yang dirancang, diganggu secara teknikal atau dirosakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jangkitan oleh virus komputer, pepijat, diusik, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan Penganjur, walaupun selepas usaha terbaik oleh Penganjur.

- d) Sebarang Terma dan Syarat yang terpakai untuk Peraduan ini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan, akan tidak lagi terpakai (tanpa menjejaskan kesahihan peruntukan yang lain).
- e) Setiap peserta bersetuju bahawa beliau telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat Peraduan ini dengan penyertaan dalam Peraduan ini. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Peraduan ini, sila hubungi pentadbir melalui mesej terus di media sosial rasmi Instagram Penganjur.
- f) Terma dan Syarat yang ditetapkan untuk Peraduan ini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

9. POLISI DATA PERIBADI

- 9.1 Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta dan pemenang bersetuju memberi keizinan untuk penggunaan data peribadi dan butiran penyertaan mereka oleh Penganjur terhadap pengendalian Peraduan dan bagi apa-apa proses atau publisiti Peraduan dalam apa-apa bentuk atau melalui apa-apa media.
- 9.2 Semua peserta dan pemenang juga adalah dianggap bersetuju terhadap semua Polisi Data Peribadi, Polisi Privasi PLUS, Terma dan Syarat dan keputusan Penganjur dengan menyertai Peraduan ini. (Untuk Polisi Privasi lengkap Penganjur, sila rujuk pautan di laman web Penganjur di <https://bitly.cx/HH4Pw>).

10. PERLEPASAN INSTAGRAM

Instagram tidak mempunyai sebarang penglibatan dengan peraduan ini sama ada dari segi tajaan, atau penyeliaan. Instagram juga tidak terikat dengan apa-apa perjanjian dengan peserta peraduan ini.

Dengan menyertai Peraduan, peserta bersetuju untuk mematuhi dan mematuhi Terma dan Syarat di atas.